

20/04/2001

MTUC setuju kaji semula rancangan piket

KUALA LUMPUR, Khamis - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bersetuju mengkaji semula rancangan mengadakan piket pada 12 Mei ini bagi memastikan sambutan Hari Buruh tidak terjejas.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Dr Syed Muhamad Syed Abdul Kadir, berkata keputusan itu dicapai hasil perbincangan antara MTUC, Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kementerian hari ini.

Katanya, kementerian memandang serius rancangan berpiket itu yang dikhuatiri boleh menjejaskan sambutan Hari Buruh yang akan disambut pada hari itu.

"Oleh itu, kami meminta MTUC mengkaji semula rancangan bagi memastikan sambutan Hari Buruh tahun ini berjalan lancar. Kementerian sudah menyampaikan pandangan mengenai rancangan MTUC dan hasilnya, mereka bersetuju membincangkan perkara ini dalam mesyuarat Majlis Tertinggi MTUC," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

MTUC, yang dianggotai setengah juta pekerja, merancang mengadakan piket itu kerana tidak berpuas hati dengan keputusan tertentu yang diambil oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti dividen yang rendah, skim anuiti (skim persaraan) dan pengurangan potongan caruman pekerja kepada KWSP.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa kesatuan sekerja berkenaan untuk membatalkan rancangan mereka berpiket dengan menyatakan bahawa ini bukan masa yang sesuai untuk mengambil tindakan drastik seperti itu kerana negara sedang menghadapi masalah ekonomi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn juga sebelum ini pernah menasihatkan MTUC mengkaji semula rancangan mereka kerana pada tarikh itu akan berlangsungnya perhimpunan Hari Buruh, dan sehari selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh Asean di Kuala Lumpur pada 8 hingga 11 Mei ini.

Dalam pertemuan hari ini juga, MTUC, Cuepacs dan kementerian bersetuju untuk bergabung bagi menjayakan pelbagai acara sempena sambutan Hari Buruh tahun ini yang bertemakan K-Pekerja Pemangkin Kecemerlangan Negara.

Bagaimanapun, Dr Syed Muhamad berkata, lokasi bagi sambutan itu belum ditetapkan.

Semalam, Dr Fong berkata, ketiga-tiga pihak terbabit perlu memainkan peranan dan bekerjasama bagi menjayakan sambutan Hari Buruh yang menjadi hari penting dan bersejarah kepada semua pekerja di negara ini.

(END)